

JPA sedang kaji kenaikan untuk keseluruhan perkhidmatan – Abdullah

Gaji polis ditimbang

um - 28/3/2007

Oleh HABIBAH OMAR
dan HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 27 Mac - Kerajaan sedang menimbang untuk menaikkan gaji anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM), kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, pertimbangan itu sedang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah menerima cadangan tersebut hasil mesyuarat Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) baru-baru ini.

Pada mesyuarat itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan telah membuat cadangan untuk menaikkan gaji polis yang kini berjumlah 97,000 orang.

“Memang diakui bahawasanya gaji yang diberikan kepada polis pada waktu ini tidak tinggi dan ini mungkin akan beri masalah yang ada hubung kait dengan rasuah dan sebagainya.

“Kita merasakan pihak atau kumpulan tertentu dalam perkhidmatan PDRM ada menerima elaun tertentu, itu adalah untuk tugas-tugas khas yang sudah semestinya elaun berkenaan diberikan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempeperusikan mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Ke-3 di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid.

“JPA akan ambil tindakan dan buat cadangan-cadangan tertentu dan kenaikan gaji yang sedang dikaji adalah untuk keseluruhan perkhidmatan polis,” jelas Abdullah.

Dalam wawancara dengan *Mingguan Malaysia* sempena ulang tahun pasukan polis ke-200, Musa mengumumkan bahawa kenaikan gaji pokok anggota dan pegawai PDRM sebanyak 20 peratus lebih tinggi daripada kakitangan sektor awam lain merupakan antara cadangan penstrukturan semula PDRM kepada kerajaan.

Turut diberi perhatian dalam penstrukturan semula PDRM ialah penambahan anggota dan kenaikan taraf kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk

Gaji polis ditimbang

konstabel, diploma bagi jawatan sarjan, manakala ijazah untuk jawatan inspektor.

Ditanya adakah kenaikan itu akan dilaksanakan sebelum bajet dibentangkan di Parlimen, Abdullah memberitahu: “Tak semestinya.”

Dalam pada itu ketika ditanya sama ada beliau akan menyambung tempoh perkhidmatan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) memandangkan perkhidmatan Datuk Seri Zulkipli Mat Noor akan tamat pada 31 Mac ini, Perdana Menteri memberitahu perkara itu akan diumumkan dalam masa yang singkat ini.

Zulkipli memegang jawatan itu pada 2001 dan perkhidmatan beliau disambung sebanyak tiga kali dengan tarikh akhirnya di pejabat ialah pada akhir Mac ini.